



## **SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

---

### **GP3: GARIS PANDUAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (PINDAAN) 2012**

---

#### **TUJUAN**

Garis panduan ini dikeluarkan di bawah seksyen 86B Akta Koperasi 1993 (Akta). Ia bertujuan untuk menyenaraikan langkah-langkah yang perlu dipatuhi dan dilaksanakan oleh koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia (Suruhanjaya) dalam proses pelantikan atau pelantikan semula Anggota Lembaga Koperasi (ALK).

#### **LATAR BELAKANG**

2. Menurut subseksyen 43(2) Akta, sesuatu koperasi yang ditentukan oleh Suruhanjaya hendaklah, sebelum melantik atau melantik semula mana-mana orang sebagai anggota Lembaga, meminta penentusahan daripada Suruhanjaya sama ada orang itu memenuhi kriteria layak dan sesuai sebagaimana yang ditentukan oleh Suruhanjaya.

3. Garis panduan ini dikeluarkan selaras dengan peruntukan Akta dan Dasar Koperasi Negara untuk memperkukuh dan memperkemaskan tadbir urus serta pengurusan koperasi.

## KRITERIA LAYAK DAN SESUAI

4. ALK hendaklah terdiri daripada mereka yang berkebolehan dan diamanahkan oleh anggota untuk mengurus hal-ehwal koperasi dan memastikan perjalanan koperasi adalah baik dan lancar. Mereka hendaklah mempunyai kelayakan, pengalaman dan kompeten untuk menjalankan tanggungjawab sebagai ALK dengan berkesan.

5. Dalam menentukan sama ada seseorang itu adalah seorang yang layak dan sesuai untuk memegang jawatan ALK, perhatian hendaklah diberikan terhadap kriteria berikut:

- (a) **Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi** – seseorang hendaklah mempunyai keunggulan peribadi seperti kejujuran, integriti, ketekunan dan kewajaran keputusannya;
- (b) **Keupayaan dan kompeten** – seseorang hendaklah mempunyai kemahiran sewajarnya, pengalaman, kebolehan dan komitmen untuk melaksanakan tanggungjawab; dan
- (c) **Integriti kewangan** – seseorang hendaklah mengurus tanggungan atau kedudukan kewangannya secara berhemat.

Penilaian terhadap kriteria di atas hendaklah mengambil kira asas-asas pertimbangan seperti di **Lampiran A**.

6. Selain daripada kriteria di atas, seseorang yang berhasrat memegang jawatan ALK, perhatian hendaklah diberikan kepada pematuhan **GP5: Garis Panduan Mewajibkan Anggota Lembaga Koperasi dan Jawatankuasa Audit Dalam Koperasi Menghadiri Kursus**.

7. Suruhanjaya juga boleh menambah kriteria-kriteria lain dari semasa ke semasa, sekiranya perlu.

8. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan **GP13: Garis Panduan Mengenai Etika Calon Anggota Lembaga Koperasi.**

## **PROSES PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ALK**

9. Lembaga koperasi atau Jawatankuasa Pencalonan, sekiranya ada, bertanggungjawab untuk menghantar borang permohonan yang lengkap kepada Suruhanjaya.

10. Setelah permohonan diterima, tapisan akan dikendalikan oleh Suruhanjaya bagi memastikan calon ALK memenuhi kriteria layak dan sesuai. Tapisan yang serupa juga akan dikendalikan bagi pelantikan semula ALK.

11. Penentusahan Suruhanjaya adalah tidak melebihi tempoh **tiga tahun**.

12. Koperasi dikehendaki menghantar borang permohonan baharu yang **lengkap** kepada Suruhanjaya untuk melantik semula anggota Lembaga yang tamat tempoh pelantikannya.

## **PELANTIKAN ALK**

13. Koperasi dikehendaki mengemukakan borang permohonan yang lengkap bagi pelantikan ALK kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh Mesyuarat Agung Tahunan (MAT).

## PELANTIKAN SEMULA ALK

14. Menurut Peraturan-Peraturan Koperasi 2010, sekurang-kurangnya satu pertiga daripada ALK hendaklah mengosongkan jawatan secara bergilir-gilir pada tiap-tiap tahun di MAT. Sekiranya MAT tidak dijalankan pada tahun itu, giliran pengosongan jawatan hendaklah diambil kira.

*Contoh: Koperasi ABC Bhd mempunyai 9 orang ALK.*

*Pada MAT tahun pertama, 1/3 (3 orang) ALK akan mengosongkan jawatan. MAT tahun kedua tidak diadakan. Oleh itu, pada MAT tahun ketiga, 2/3 (6 orang) ALK akan mengosongkan jawatan dan kesemua ALK telah mengosongkan jawatan ALK.*

Tahun	Bilangan ALK	Pengosongan Jawatan	ALK Dikekalkan	ALK Baru Dilantik
1	9	3	6	3
2*	9	0	9	0
3	9	6	3	6

*Nota\*: MAT tidak diadakan.*

15. Bagi ALK yang akan tamat tempoh pelantikan pada MAT berikutnya dan dicadangkan untuk pelantikan semula, koperasi hendaklah mengemukakan borang permohonan yang lengkap kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh MAT.

16. Sekiranya tempoh penentusahan Suruhanjaya masih sah (iaitu dalam tempoh tidak melebihi tiga tahun) pada MAT yang berkenaan, ALK yang layak tidak perlu mengemukakan borang permohonan bagi pelantikan semula. Walau bagaimanapun, koperasi hendaklah mengemukakan Borang SKM/ALK dan salinan surat pengesahan penentusahan kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh MAT.

## TEMPOH PENGHANTARAN PERMOHONAN KEPADA SURUHANJAYA


17. Subseksyen 39(1) Akta memperuntukkan MAT diadakan tidak lewat daripada **enam bulan** selepas berakhirnya setiap tahun kewangan.

18. Borang permohonan penentusahan bagi pelantikan atau pelantikan semula ALK hendaklah dihantar kepada Suruhanjaya sekurang-kurangnya **dua bulan** sebelum tarikh MAT.


### Mesyuarat Agung Tahunan

Contoh:

#### Keperluan mengadakan MAT menurut Akta Koperasi 1993



#### Penghantaran borang permohonan kepada Suruhanjaya



**AM**

19. Garis panduan ini hendaklah dibaca bersekali dengan Akta dan Peraturan-Peraturan. Pengecualian terhadap mana-mana peruntukan dalam garis panduan ini boleh diberikan oleh Suruhanjaya secara bertulis kepada mana-mana koperasi demi kepentingan gerakan koperasi.

**PEMBATALAN, PEMAKAIAN DAN TARIKH KUATKUASA**

20. Garis panduan ini terpakai kepada koperasi ditentukan melalui perintah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya.

21. Berkuat kuasa dari tarikh perintah dikeluarkan, koperasi yang memohon penentusahan daripada Suruhanjaya dan calon ALK yang berkenaan dikehendaki berurusan dengan institusi-institusi berikut untuk melaksanakan sebahagian daripada proses tapisan:

<b>Pemohon</b>	<b>Institusi</b>	<b>Tujuan</b>
Koperasi	Jabatan Insolvency Malaysia	<b>Tapisan Keutuhan</b> Status kebangkrapan calon ALK
Calon ALK	(a) Bank Negara Malaysia i. LINK; atau ii. BNMTELELINK (b) Koperasi-koperasi	<b>Tapisan Kewangan</b> Pengendalian akaun pinjaman dan tanggungan calon ALK di institusi-institusi kewangan dan koperasi-koperasi (sekiranya ada).

Untuk pelaksanaan proses tapisan di atas, lampiran berikut disertakan:

<b>Lampiran I</b>	Senarai borang untuk dihantar kepada Suruhanjaya
<b>Lampiran II</b>	Keterangan ringkas mengenai jenis-jenis borang yang diperlukan berkaitan dengan permohonan penentusahan Suruhanjaya bagi pelantikan ALK
<b>Lampiran III</b>	Prosedur untuk pelantikan ALK

22. GP3: Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi bertarikh 24 Disember 2008 adalah dengan ini dibatalkan.

23. Semua koperasi dikehendaki mematuhi peruntukan di bawah Akta, Peraturan-Peraturan, perintah dan garis panduan yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya dari semasa ke semasa.

24. Garis panduan ini dikuatkuasakan pemakaiannya mulai **1 Januari 2013**.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**



**(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)**

Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

Tarikh : 28 Disember 2012

**Lampiran A****ASAS-ASAS PERTIMBANGAN KRITERIA LAYAK DAN SESUAI****1. Kejujuran, Reputasi Dan Integriti Peribadi**

Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi adalah nilai-nilai yang perlu diamalkan pada setiap masa (*over time*). Kriteria ini menghendaki disiplin dan komitmen yang berterusan untuk mencapai taraf etika yang tinggi.

Dalam menilai tahap kejujuran, integriti dan reputasi seseorang untuk memegang jawatan ALK, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) sama ada dia sedang dikenakan prosiding atau dipertuduh di mahkamah atau apa-apa penyiasatan yang menjurus kepada prosiding kesalahan disiplin atau jenayah;
- (b) sama ada dia telah melanggar mana-mana peruntukan undang-undang bertulis yang dirangka untuk melindungi anggota atau orang awam daripada mengalami kerugian kewangan akibat tidak jujur, salah laku atau tidak kompeten;
- (c) sama ada dia telah melanggar apa-apa kehendak dan piawaian badan kawal selia, badan professional, kerajaan atau agensi-agensinya;
- (d) sama ada dia telah didakwa melakukan mana-mana kesalahan di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah Dan Orang-Orang Tak Diingini 1969 [Akta 7];
- (e) samada dia adalah seorang bankrap yang belum dilepaskan;

- (f) sama ada dia, atau mana-mana perniagaan di mana dia mempunyai kepentingan atau pengaruh yang signifikan, telah disiasat, dikenakan tindakan disiplin, digantung atau diberi amaran bertulis oleh badan kawal selia, badan profesional, mahkamah atau tribunal;
- (g) sama ada dia telah dipecat, diminta untuk meletak jawatan atau telah meletak jawatan disebabkan oleh masalah kejujuran dan integriti; dan
- (h) sama ada dia mempunyai kaitan (*associated*) dengan perihal pemilikan atau pengurusan dalam apa-apa syarikat, perkongsian atau perniagaan di mana lesen, keahlian atau pendaftaran entiti tersebut telah dibatalkan, ditarik balik atau ditamatkan.

## 2. Keupayaan Dan Kompeten

Ciri-ciri keupayaan dan kompeten hendaklah dipamerkan oleh seseorang yang mempunyai kelayakan, pengalaman dan kebolehan relevan untuk memahami keperluan teknikal sesuatu perniagaan, risiko bawaan (*inherent risk*) dan proses pengurusan yang diperlukan untuk melaksanakan tanggungjawabnya.

Dalam menilai keupayaan dan kekompetenan seseorang itu untuk memegang jawatan ALK, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) sama ada dia mempunyai kelayakan, kemahiran, pengalaman dan komitmen yang bersesuaian untuk menggalas tugas serta tanggungjawab sebagai ALK; dan
- (b) sama ada dia mempunyai kepakaran atau prestasi yang memuaskan pada masa terdahulu ketika menerajui atau mengendalikan sesuatu koperasi, atau mana-mana organisasi.

### 3. Integriti Kewangan

Integriti kewangan seseorang hendaklah diperlihatkan melalui pengurusan kewangannya secara teratur dan berhemat.

Dalam menilai integriti kewangan seseorang, koperasi hendaklah mengambil kira perkara-perkara termasuk, tetapi tidak terhad kepada yang berikut:

- (a) mempunyai kemampuan untuk memenuhi tanggungan kewangan mengikut jadual pembayaran yang ditetapkan;
- (b) akaun pembiayaan dengan institusi kewangan, koperasi atau penyedia khidmat kewangan lain disenggara dengan baik dan memuaskan serta tidak mempunyai apa-apa hutang tertunggak yang melebihi enam bulan; dan
- (c) tidak disabitkan dengan keberhutangan yang tidak dilunaskan.

## LAMPIRAN I

SENARAI BORANG-BORANG UNTUK DIHANTAR KEPADA  
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA

Bil.	Borang	Dilengkapkan Oleh	
		Calon ALK	Koperasi yang Memohon
1	<b>SKM/BP</b> Maklumat Peribadi Calon ALK	✓	
2	<b>SKM/TAP/KEW</b> (sekiranya perlu) Tapisan Kewangan Calon ALK	✓	
3	<b>SKM/ALK</b> Senarai Terkini Anggota Lembaga Koperasi		✓
4	<b>SKM/AK</b> Akuan Penerimaan Permohonan		✓

## LAMPIRAN II

Keterangan ringkas mengenai setiap borang yang diperlukan berkaitan permohonan penentusahan daripada Suruhanjaya bagi pelantikan atau pelantikan semula calon ALK adalah seperti berikut:

**BORANG-BORANG YANG PERLU DILENGKAPKAN  
OLEH CALON ALK SAHAJA**

Jenis Borang	Tujuan	Keterangan
SKM/BP	Maklumat peribadi calon ALK	Mesti dilengkapkan oleh calon ALK
SKM/TAP/KEW (sekiranya ada)	Tapisan kewangan: Berkaitan <i>akaun/tanggungannya calon dengan koperasi</i> di Malaysia, kecuali akaun simpanan tetap dan akaun tabungan	Borang terbahagi kepada dua bahagian seperti berikut: <b>Bahagian A</b> Calon hendaklah mengisi maklumat tentang akaun/ tanggungannya di sesebuah koperasi di Malaysia. Jika akaun/ tanggungan melibatkan lebih daripada sebuah koperasi, sila isikan satu borang untuk setiap koperasi  <b>Bahagian B</b> Untuk diisi oleh koperasi yang menerima Borang SKM/TAP/KEW daripada calon yang telah mengisi Bahagian A dengan lengkap
Borang Permohonan Laporan Kredit	Tapisan kewangan: Berkaitan <i>akaun/tanggungannya persendirian/bersama calon dengan institusi kewangan</i> di Malaysia, kecuali akaun simpanan tetap dan akaun tabungan	(a) Borang ini disediakan oleh Bank Negara Malaysia (BNM) bagi permohonan berkaitan rekod kredit calon ALK dengan institusi kewangan. Calon hendaklah menghantar borang ini kepada BNM untuk Laporan Kredit mereka. Borang ini terdapat di laman web Biro Kredit, BNM ( <a href="http://creditbureau.bnm.gov.my">http://creditbureau.bnm.gov.my</a> ).  (b) Calon juga boleh mengambil sendiri Laporan Kredit berkenaan daripada LINK, BNM.

## LAMPIRAN II

**BORANG-BORANG YANG PERLU DILENGKAPKAN  
OLEH KOPERASI YANG MEMOHON SAHAJA**

<b>Jenis Borang</b>	<b>Tujuan</b>	<b>Keterangan</b>
<b>SKM/ALK</b>	Senarai ALK terkini	Hendaklah dilengkapi oleh koperasi yang memohon
<b>SKM/AK</b>	Akuan penerimaan permohonan	Hendaklah dilengkapi oleh koperasi yang memohon
<b>Borang K (Rekod Kebankrapan)</b>	Melaksanakan tapisan keutuhan	Borang ini disediakan oleh Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM) bagi permohonan berkaitan rekod kebangkrapan calon. Koperasi hendaklah mengemukakan Borang K kepada JIM untuk mengetahui rekod kebangkrapan calon, jika ada. Borang K boleh didapati daripada JIM

## LAMPIRAN III

**Prosedur dan Borang bagi Pelantikan atau Pelantikan Semula ALK**

- A. **Koperasi** yang memohon penentusahan daripada Suruhanjaya bagi pelantikan ALK dikehendaki mengemukakan borang berikut kepada Suruhanjaya:

Bil.	Jenis Borang	Keterangan
(i)	<b>Borang SKM/ALK</b>	-
(ii)	<b>Salinan Asal Jawapan Rekod Kebankrapan</b> yang diperolehi daripada Jabatan Insolvensi Malaysia (JIM)	Untuk mengetahui rekod kebangkrapan calon, koperasi yang memohon perlu mengisi <b>Borang K (Rekod Kebankrapan)</b> dan menghantarnya kepada JIM di alamat seperti berikut:  <b>Jabatan Insolvensi Malaysia</b> <b>Aras 2 &amp; 3, Bangunan Hal Ehwal Undang-Undang Presint 3, Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan 62692 Putrajaya</b> <b>Tel : 03-8885 1000</b>
(iii)	<b>Salinan Asal Laporan Kredit</b> yang diperolehi daripada BNM	Laporan Kredit dimajukan oleh calon ALK kepada koperasi
(iv)	<b>Borang SKM/BP</b>	Borang yang telah lengkap diisi oleh calon ALK
(v)	<b>Borang SKM/TAP/KEW</b>	Laporan Kredit dimajukan oleh calon ALK kepada koperasi
(vi)	<b>Borang SKM/AK</b>	-

## LAMPIRAN III

B. Calon ALK dikehendaki melengkapkan dan melaksanakan perkara-perkara berikut:

Bil.	Jenis Borang	Keterangan
(i)	<b>Borang SKM/BP</b>	Melengkapkan dan memajukan kepada koperasi untuk dikemukakan kepada Suruhanjaya
(ii)	<b>Borang Permohonan Laporan Kredit</b>	<p>(a) Melaksanakan tapisan kewangan dengan-</p> <ul style="list-style-type: none"> <li>• calon mengambil sendiri Laporan Kredit daripada <b>LINK, Bank Negara Malaysia</b>; atau</li> <li>• calon melengkapkan Borang Permohonan Laporan Kredit dan menghantarnya kepada BNM TELELINK di alamat seperti berikut:  <b>BNM TELELINK</b>  <b>Jabatan Komunikasi Korporat</b>  <b>Bank Negara Malaysia</b>  <b>Peti Surat 10922</b>  <b>50929 Kuala Lumpur</b>  <b>Tel : 1-300-88-5465</b>  <b>Faks : 03-2174 1515</b></li> </ul> <p>(b) Calon ALK yang menerima Laporan Kredit daripada Biro Kredit, BNM dikehendaki memajukan salinan asal borang tersebut kepada koperasi untuk tindakan selanjutnya</p>
(iii)	<b>Borang SKM/TAP/KEW</b>	<p>Melaksanakan tapisan kewangan dengan melengkapkan <b>Bahagian A</b> dan menghantarnya bersama-sama dengan surat pengiring (<i>cover letter</i>) calon terus kepada koperasi di mana calon mempunyai akaun/tanggungan. Calon hendaklah menggunakan satu borang untuk setiap koperasi sekiranya akaun/tanggungan melibatkan lebih daripada sebuah koperasi</p> <p><b>Bahagian B</b> adalah disediakan untuk kegunaan koperasi yang menerima Borang SKM/TAP/KEW daripada calon ALK. Selanjutnya, koperasi yang menerima borang tersebut dikehendaki melengkapkan Bahagian B mengenai akaun dan tanggungan calon serta mengembalikan salinan asal borang tersebut terus kepada calon untuk dihantar kepada koperasi yang memohon penentusahan daripada Suruhanjaya.</p>



Ruj. Kami : SKM. IP. (AM) : 7964 SJ.5 (50)

Tarikh : 28 Disember 2012

**Surat Ini Dikelilingkan Kepada –**

**Semua Koperasi**

Tuan,

**GP3: GARIS PANDUAN PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI (PINDAAN) 2012**

---

Dengan hormatnya saya merujuk kepada perkara di atas.

2. Dimaklumkan bahawa **GP3: Garis Panduan Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012** dikeluarkan bagi menggantikan **GP3: Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi** bertarikh 24 Disember 2008.

3. Pemakaian garis panduan ini hanya terpakai kepada koperasi ditentukan melalui perintah yang dikeluarkan oleh Suruhanjaya. Bagi koperasi yang tidak menerima sebarang arahan bertulis daripada Suruhanjaya, maka amalan yang sedang dilaksanakan boleh diteruskan tertakluk kepada peruntukan Akta, Peraturan-Peraturan dan undang-undang kecil koperasi.

4. Borang-borang yang terdapat dalam garis panduan tersebut boleh dimuat turun melalui laman sesawang Suruhanjaya di [www.skm.gov.my](http://www.skm.gov.my) atau diperoleh melalui pejabat cawangan Suruhanjaya di seluruh Malaysia.




5. Sekiranya terdapat sebarang pertanyaan, sila hubungi pegawai-pegawai di Bahagian Statutori dan Pendaftaran, Suruhanjaya Ibu Pejabat untuk bantuan.

Sekian, terima kasih.

**"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"**

**"1 MALAYSIA, RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN"**

Saya yang menurut perintah,

  
**(DATUK HAJI MD. YUSOF BIN HAJI SAMSUDIN)**  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia

sk. Timbalan Pengerusi Eksekutif  
Ketua Sektor (Operasi dan Kawal Selia)  
Ketua Sektor (Pembangunan)  
Ketua Sektor (Pengurusan dan Kewangan)  
Pengarah SKM Negeri / Bahagian / Unit \_\_\_\_\_  
Maktab Koperasi Malaysia  
Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad



**BORANG PERMOHONAN PENENTUSAHAN  
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA  
BAGI PELANTIKAN ATAU PELANTIKAN SEMULA  
ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI**

**BAHAGIAN STATUTORI DAN PENDAFTARAN  
SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

**KANDUNGAN**  
**BORANG-BORANG UNTUK DIHANTAR KEPADA**  
**SURUHANJAYA KOPERASI MALAYSIA**

<b>1</b>	<b>Borang SKM/BP</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Bahagian A - Maklumat Peribadi Calon</li><li>• Bahagian B - Kebenaran Calon untuk Mendedahkan Maklumat</li><li>• Bahagian C - Akaun Calon</li><li>• Bahagian D - Lampiran I, II dan III</li></ul>
<b>2</b>	<b>Borang SKM/TAP/KEW</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Arahan kepada Pemohon</li><li>• Arahan kepada Koperasi-koperasi apabila menerima Borang SKM/TAP/KEW daripada Pemohon</li><li>• Liabiliti Pemohon - untuk diisi oleh Pemohon</li><li>• Komen berkaitan Penyenggaraan Akaun-akaun - untuk diisi oleh koperasi yang memberi kemudahan kredit/pinjaman</li></ul>
<b>3</b>	<b>Borang SKM/ALK</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• Arahan</li><li>• Koperasi Pemohon</li><li>• Nama Calon</li><li>• Jenis Pelantikan</li><li>• Anggota Lembaga Koperasi Sekarang</li><li>• Penilaian oleh Jawatankuasa Pencalonan</li></ul>
<b>4</b>	<b>Borang SKM/AK</b>

**SULIT****Permohonan Untuk Melantik/Melantik Semula Anggota Lembaga Koperasi**

BORANG SKM/BP mengandungi 4 Bahagian:

- BAHAGIAN **A** Maklumat Peribadi Calon  
BAHAGIAN **B** Kebenaran Calon untuk Mendedahkan Maklumat  
BAHAGIAN **C** Akuan Calon  
BAHAGIAN **D** Lampiran I, II dan III

**Sila ambil maklum bahawa bahagian ini adalah untuk rujukan calon sahaja dan tidak perlu dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

- **Lampiran I** : Keterangan Mengenai Jenis Institusi Kewangan, Jenis Akaun dan Jenis Jaminan
- **Lampiran II** : Keterangan Mengenai Jenis Koperasi, Jenis Akaun dan Jenis Jaminan
- **Lampiran III : Untuk Calon yang Memohon**
  - A. Subseksyen 43(1) Akta Koperasi 1993
  - B. Kriteria Minimum Layak dan Sesuai untuk menjadi Anggota Lembaga Koperasi

**Arahan**

1. BORANG SKM/BP hendaklah diisi oleh calon yang dicadangkan oleh Koperasi sebagai anggota Lembaga koperasi.
2. Maklumat dalam BORANG SKM/BP hendaklah ditulis atau ditaip dengan jelas.
3. Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, kertas tambahan boleh dilampirkan. Sila tandatangan di atas semua muka surat tambahan.
4. Sila lengkapkan semua maklumat yang diperlukan dan nyatakan "Tiada" atau "Tidak Berkaitan" sekiranya perkara tersebut tiada kaitan.
5. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar melalui koperasi pemohon kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia di alamat seperti berikut:

**Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Tingkat 17, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur  
(U.P. : Bahagian Statutori dan Pendaftaran)**

**Tel: 03-40474000, samb : 4165, 4169, 4170  
Fax : 03-40474117**

**BAHAGIAN A**  
**MAKLUMAT PERIBADI CALON**

**KOPERASI PEMOHON**

**1. NAMA [Encik/Puan/Lain-lain (sila nyatakan)]**

**2. NO. KAD PENGENALAN <sup>1</sup>**

Baru

Lama

**3. TARIKH LAHIR**

**4. UMUR**

**5. ALAMAT SURAT-MENYURAT KEDIAMAN SEKARANG**

**6. NOMBOR TELEFON**

**TELEFON BIMBIT**

**PEJABAT**

**7. KELAYAKAN AKADEMIK DAN IKHTISAS <sup>2</sup>**

**Kelulusan**

**Institusi Pengajian**

**Negara**

**Tahun <sup>3</sup>**

**8. TARIKH HADIR KURSUS WAJIB<sup>4</sup>**

**9. KETERANGAN MAJIKAN SEKARANG**

**Nama Organisasi**

**Jawatan Disandang**

**Alamat**

**No. Telefon**

**10. PENGALAMAN BEKERJA (Sila nyatakan jawatan terakhir yang disandang terlebih dahulu)**

**Jawatan/Jabatan**

**Tanggungjawab  
Utama**

**Organisasi/(Aktiviti Utama)**

**Tempoh**

**Nota :**

- 1** Sila sertakan salinan kad pengenalan (depan dan belakang) dengan ditandakan "Untuk Kegunaan SKM Sahaja"
- 2** Sila nyatakan kelulusan terkini terlebih dahulu
- 3** Merujuk kepada tahun kelayakan diperolehi
- 4** Sila sertakan salinan sijil menghadiri kursus wajib

**Tandatangan .....**

**BAHAGIAN A**  
**(MAKLUMAT PERIBADI CALON ..... sambungan)**

**11. KEAHLIAN PENGARAH DI SYARIKAT-SYARIKAT (SEMASA)**

	Nama Syarikat	No. Syarikat	Tarikh Penubuhan	Jawatan	Aktiviti Utama Syarikat

**12. PENYERTAAN SEBAGAI ANGGOTA LEMBAGA KOPERASI DI KOPERASI-KOPERASI LAIN (SEMASA)**

Sila nyatakan nama dan nombor pendaftaran koperasi. Sekiranya anda menjadi penjamin di koperasi-koperasi ini, sila nyatakan maklumat berkaitan jaminan tersebut di butiran **12(B)**

Nama Koperasi	No. Daftar	Tarikh Daftar	Jawatan	Aktiviti Utama Koperasi

**13. MAKLUMAT TANGGUNGAN DI INSTITUSI KEWANGAN**

Arahan : Sila rujuk kepada definisi yang diberi dalam Lampiran I sebelum mengisi seksyen ini

**A. Maklumat akaun persendirian/Akaun Bersama/Akaun Perniagaan Calon**

Nama Peminjam	No. KP/ No. Syarikat	Tarikh Penubuhan	Nama Institusi <sup>1</sup>	Jenis <sup>2</sup> Akaun	No. Akaun

**B. Maklumat akaun perniagaan syarikat milik keluarga**

Nama Peminjam	No. Syarikat	Tarikh Penubuhan	Nama Institusi	Jenis Akaun	No. Akaun

**C. Jaminan yang diberikan kepada individu/bukan individu**

Nama Peminjam	No. KP/ No. Syarikat	Tarikh Penubuhan	Nama Institusi	Jenis Akaun	No. Akaun

- 1** Sila rujuk Lampiran I untuk jenis institusi yang terlibat  
**2** Sila rujuk Lampiran I untuk jenis akaun yang perlu diisytiharkan

Tandatangan : .....

**BAHAGIAN A  
(MAKLUMAT PERIBADI CALON ..... sambungan)**

**14. MAKLUMAT TANGGUNGAN DI KOPERASI**

Arahan : Sila rujuk kepada definisi yang diberi dalam Lampiran II sebelum mengisi seksyen ini

**A. Maklumat akaun persendirian/Akaun Bersama/Akaun Perniagaan Calon**

	<b>Nama Koperasi <sup>1</sup></b>	<b>Alamat Di mana Akaun Diselenggarakan</b>	<b>Jenis Pinjaman <sup>2</sup></b>	<b>No. Anggota</b>

**B. Maklumat mengenai Jaminan yang diberikan kepada individu-individu (Anggota)**  
(Sila rujuk Lampiran II untuk jenis Jaminan yang perlu dilaporkan)

	<b>Nama Peminjam</b>	<b>Nama Koperasi <sup>1</sup></b>	<b>Alamat Di mana Akaun Diselenggarakan</b>	<b>Jenis Pinjaman <sup>2</sup></b>	<b>No. Anggota</b>

**1** Sila rujuk Lampiran II untuk jenis koperasi yang terlibat

**2** Sila rujuk Lampiran II untuk jenis akaun yang perlu diisytiharkan

**Tandatangan : .....**

**BAHAGIAN B**  
**AKUAN BERKANUN CALON**

**15. AKUAN BERKANUN CALON**

*Sebelum menandatangani akuan di bawah, calon adalah dinasihatkan supaya membaca Lampiran III yang menerangkan mengenai akuan yang perlu dibuat.*

Saya ..... (nama calon) ..... (No. K/P)  
dengan ini mengakui dan mengesahkan bahawa:

- (a) Saya layak menurut subseksyen 43(1) Akta Koperasi 1993.
- (b) Saya bukan seorang bankrap dan tiada sebarang tindakan kebangkrapan sedang diambil terhadap saya.
- (c) Saya tidak pernah menghadapi sebarang tindakan atas suatu kesalahan berikut:
  - (i) rasuah di bawah Akta Rasuah 1997; dan
  - (ii) jenayah di bawah Jadual 1 dan 2, Akta Pendaftaran Penjenayah-Penjenayah dan Orang-Orang Tak Diingini 1969.
- (d) Saya memenuhi kriteria minimum layak dan sesuai untuk dilantik sebagai anggota Lembaga koperasi sebagaimana yang dinyatakan dalam GP3: Garis Panduan Bagi Pelantikan Atau Pelantikan Semula Anggota Lembaga Koperasi (Pindaan) 2012.
- (e) Semua maklumat yang diberikan dalam borang SKM/BP ini adalah benar, betul dan lengkap.

**DAN SAYA MENAKUI DENGAN SESUNGGUH DAN SEBENARNYA MEMBUAT AKUAN INI DENGAN KEPERCAYAAN BAHAWA SEGALA MAKLUMAT YANG DIKEMUKAKAN DALAM BORANG INI ADALAH BENAR DAN LENGKAP, SERTA MENURUT AKTA BERKANUN 1960. DIPERBUAT DAN DENGAN SEBENAR-BENARNYA DIAKUI OLEH YANG TERSEBUT NAMANYA DI ATAS IAITU**

.....

**DI** .....

**DI NEGERI** .....

**PADA** ..... **HARIBULAN** ....., **TAHUN** .....

**DI HADAPAN SAYA,**

.....

**(TANDATANGAN HAKIM MAHKAMAH SESYEN,  
MAJISTRET ATAU PESURUHJAYA SUMPAN)**

**BAHAGIAN C**

**KEBENARAN CALON UNTUK MENDEDAHKAN MAKLUMAT**

**16. KEBENARAN**

Menurut subseksyen 99(1)(a) Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989, subseksyen 120(1)(c) Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 dan subseksyen 34(3)(a) Akta Bank Islam 1983, saya dengan ini memberi kebenaran kepada Institusi-institusi Berlesen, Institusi-institusi Kewangan Pembangunan dan Bank-bank Islam, di mana akaun atau liabiliti saya disenggarakan, untuk mendedahkan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia sebarang maklumat berkaitan akaun dan liabiliti saya bagi tujuan memproses permohonan ini.

**Tandatangan:** ..... **Tarikh:** .....

**Nama Penuh:** .....

**BAHAGIAN D**  
**LAMPIRAN I****Nota:**

Lampiran I, II dan III yang disertakan adalah untuk rujukan calon sahaja. Sila ceraikan dan simpan Bahagian ini sebelum menghantar Borang SKM/BP kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**HENDAKLAH DIBACA BERSAMA-SAMA DENGAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN BAGI BUTIRAN 13 BORANG SKM/BP**

**Definisi**1. **Jenis Institusi**

**Institusi-institusi Berlesen** merujuk kepada Bank-bank Perdagangan, Syarikat-syarikat Kewangan, Bank Perdagangan dan Syarikat Kewangan (BAFINs), Bank-bank Saudagar, Syarikat-syarikat Diskaun dan Broker-broker Wang yang dilesenkan di bawah Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 dan institusi-institusi dilesenkan di bawah Akta Bank Islam 1983.

**Institusi-institusi yang Ditetapkan** merujuk kepada institusi-institusi yang dikawal selia di bawah Akta Institusi Kewangan Pembangunan 2002 termasuk Bank Pembangunan dan Infrastruktur Malaysia Berhad, Bank Industri dan Teknologi Malaysia Berhad, Export-Import Bank Malaysia Berhad, Malaysia Export Credit Insurance Berhad, Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad, Bank Simpanan Nasional, Bank Pertanian Malaysia Berhad dan lain-lain institusi-institusi kewangan pembangunan yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan.

2. **Tanggungjawab Kewangan**

Merujuk kepada semua akaun persendirian/bersama/akaun perniagaan (tidak termasuk akaun tabungan dan akaun simpanan tetap), liabiliti, akaun syarikat milik keluarga dan peruntukan bagi jaminan di dalam institusi-institusi di atas:

(a) **Akaun Persendirian/ Bersama/ Akaun Perniagaan**

Merujuk kepada liabiliti seperti Pinjaman Tetap, Pinjaman Perumahan, Pinjaman Kenderaan, Overdraf, Akaun Semasa dengan Kemudahan Overdraf, Kad Kredit, Kad Caj, Butiran Luar Kunci Kira-kira dan lain-lain liabiliti di mana Pemohon bertanggungjawab **sepenuhnya** ke atas hutang peminjam. Liabiliti ke atas Kad Kredit dan Kad Caj adalah termasuk pemegang kad tambahan.

(b) **Akaun Syarikat Milik Keluarga**

Merujuk kepada liabiliti seperti Pinjaman Tetap, Pinjaman Penyambung (Bridging Loan), Pinjaman Kenderaan/ Sewa Beli, Overdraft, Akaun Semasa dengan Kemudahan Overdraf, Kad Kredit, Kad Caj, Butiran Luar Kunci Kira-kira dan lain-lain liabiliti oleh syarikat milik keluarga di mana Pemohon bertanggungjawab **sepenuhnya** (termasuk menjadi penjamin) ke atas hutang peminjam. Liabiliti ke atas Kad Kredit dan Kad Caj adalah termasuk pemegang kad tambahan.

3. **Jenis Jaminan**

Jaminan adalah termasuk jaminan peribadi atau jaminan korporat, jaminan kewangan atau bukan kewangan, tanggung rugi (indemnity), aku janji atau tanggungan-tanggungan lain obligasi di mana Calon bertanggungjawab **sepenuhnya** dalam apa-apa keadaan ke atas hutang-hutang syarikat/ perniagaan/ perkongsian/ peminjam.

4. **Syarikat Milik Keluarga**

Syarikat Milik Keluarga bermaksud syarikat di mana:

(a) Calon;

(b) Suami/ Isteri Calon; atau

(c) Anak Calon,

memegang, atau mana-mana dua atau lebih seorang yang tersebut di atas, memegang, secara bersama-sama atau sendirian, melebihi lima puluh peratus kepentingan saham-saham syarikat berkenaan.

**BAHAGIAN D**  
**LAMPIRAN II****Nota:**

Lampiran I, II dan III yang disertakan adalah untuk rujukan calon sahaja. Sila ceraikan dan simpan Bahagian ini sebelum menghantar Borang SKM/BP kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia

**HENDAKLAH DIBACA BERSAMA-SAMA DENGAN MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN BAGI BUTIRAN 14 BORANG SKM/BP**

**Definisi****1. Jenis Koperasi**

Koperasi merujuk kepada koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

**2. Jenis Akaun Pinjaman di Koperasi**

Merujuk kepada semua akaun pinjaman, liabiliti dan peruntukan bagi jaminan di dalam koperasi-koperasi di atas. Ini termasuk pinjaman peribadi, pinjaman perumahan, pinjaman kenderaan, pinjaman pajak gadai, pinjaman pelajaran, pinjaman pengguna dan liabiliti-liabiliti lain di mana pemohon bertanggungjawab **sepenuhnya** ke atas hutang peminjam.

**3. Jenis Jaminan**

Jaminan adalah termasuk jaminan peribadi atau jaminan kewangan atau bukan kewangan, tanggung rugi (*indemnity*), aku janji atau tanggungan-tanggungan lain di mana calon bertanggungjawab **sepenuhnya** dalam apa-apa keadaan ke atas hutang-hutang peminjam.

**BAHAGIAN D  
LAMPIRAN III****Untuk Calon Anggota Lembaga Koperasi**

Lampiran ini merupakan sebahagian daripada butiran 15 borang ini

**A. Subseksyen 43(1) Akta Koperasi 1993**

Subseksyen 43(1) memperuntukkan bahawa:

Tiada seorang pun layak dilantik menjadi anggota Lembaga atau kekal sebagai seorang anggota Lembaga koperasi jika dia telah:

- (i) disabitkan atas suatu kesalahan di bawah Akta ini; atau
- (ii) Dipecat sebagai pegawai sesuatu koperasi.

**B. Kriteria Minimum Layak dan Sesuai sebagai Anggota Lembaga Koperasi**

- (i) Anggota Lembaga koperasi hendaklah seorang yang berkebolehan memandangkan mereka diamanahkan oleh anggota untuk memastikan pengurusan aktiviti koperasi berjalan dengan berkesan dan mantap. Mereka mestilah sekurang-kurangnya mempunyai kemahiran, pengalaman dan kompeten bagi membolehkan mereka menjalankan tanggungjawab dengan berkesan.
- (ii) Dalam menentukan sama ada seseorang individu itu adalah layak dan sesuai untuk dilantik menjadi anggota Lembaga koperasi, pertimbangan perlu diberi terhadap perkara-perkara berikut:
  - (a) Kejujuran, reputasi dan integriti peribadi
  - (b) Keupayaan dan kompeten
  - (c) Integriti kewangan



**SULIT**

**TAPISAN KEWANGAN**  
**Liabiliti Pemohon dengan Koperasi-koperasi**

**Arahan kepada Pemohon**

1. BORANG SKM/TAP/KEW disediakan bagi pemohon yang telah dicalonkan sebagai anggota Lembaga oleh koperasi untuk mengarahkan **koperasi-koperasi**<sup>1</sup> mengendalikan tapisan kewangan ke atas akaun-akaun dan liabiliti-liabiliti pemohon.
2. Pemohon perlu memastikan bahawa maklumat yang terdapat dalam **Bahagian A** BORANG SKM/TAP/KEW adalah yang berkaitan dengan akaun-akaun dan liabiliti-liabiliti yang diselenggarakan di **sebuah** koperasi sahaja.
3. Pemohon perlu membuat salinan borang ini sekiranya melibatkan lebih daripada satu koperasi. Setelah **Bahagian A** BORANG SKM/TAP/KEW dilengkapkan, pemohon dikehendaki menghantar terus borang tersebut kepada koperasi di mana akaun atau kemudahan kredit diperoleh untuk tindakan selanjutnya.
4. Apabila menerima Borang SKM/TAP/KEW yang telah diisi dengan lengkap daripada koperasi, pemohon hendaklah memajukan borang tersebut kepada koperasi untuk dihantar kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia.

**Arahan kepada Koperasi-koperasi apabila**  
**Menerima BORANG SKM/TAP/KEW daripada Pemohon**

Apabila menerima BORANG SKM/TAP/KEW, koperasi dikehendaki melengkapkan proses tapisan kewangan dengan memberi komen-komen di **Bahagian B** dan seterusnya mengembalikan borang yang telah dilengkapkan sepenuhnya kepada pemohon untuk tindakan selanjutnya.

**Nota :**

- 1 **Koperasi** merujuk kepada koperasi yang didaftarkan di bawah Akta Koperasi 1993.

**BORANG SKM/TAP/KEW**  
**Muka Surat 2/2**

<b>A.</b>	<b>LIABILITI PEMOHON – UNTUK DIISI OLEH PEMOHON</b>					
1.	<b>NAMA PEMOHON</b>					
2.	<b>NO. KAD PENGENALAN</b>	<b>Baru :</b>	<b>Lama :</b>			
3.	<b>MAKLUMAT KEWANGAN</b> (Sila isikan satu borang bagi setiap institusi)					
	<b>Koperasi</b>	<b>Alamat Cawangan</b>	<b>Jenis Akaun/Liabiliti</b>	<b>No. Akaun</b>	<b>Jumlah Pinjaman</b>	<b>Baki Pinjaman</b>
4.	<b>TANDATANGAN</b>					
5.	<b>TARIKH</b>					
<b>B.</b>	<b>KOMEN BERKAITAN PENYENGGARAAN AKAUN-AKAUN - UNTUK DIISI OLEH KOPERASI YANG MEMBERI KEMUDAHAN KREDIT/PINJAMAN</b>					
1.	Sila nyatakan sama ada akaun disenggarakan dengan baik atau sebaliknya. <b>Jika akaun tidak disenggarakan dengan baik, sila beri maklumat lanjut termasuk jumlah dan bulan yang tertunggak, status tindakan undang-undang yang telah dan sedang diambil (jika ada) dan status akaun iaitu berbayar atau tidak berbayar</b>					
2.	<b>TANDATANGAN</b>					
3.	<b>NAMA</b>					
4.	<b>JAWATAN</b>					
5.	<b>NO. TELEFON (Pejabat)</b>					
6.	<b>TARIKH/COP RASMI</b>					

**SULIT**

**Permohonan untuk Melantik/Melantik Semula Anggota Lembaga Koperasi**  
**Subseksyen 43(2) Akta Koperasi 1993**

**Arahan**

BORANG SKM/ALK ini hendaklah dilengkapkan oleh koperasi yang berdaftar di bawah Akta Koperasi 1993 untuk permohonan melantik/melantik semula anggota Lembaga koperasi. Borang yang telah diisi dengan lengkap hendaklah dihantar oleh koperasi berkenaan kepada Suruhanjaya Koperasi Malaysia ke alamat berikut:

**Pengerusi Eksekutif**  
**Suruhanjaya Koperasi Malaysia**  
**Tingkat 17, Sunway Putra Tower**  
**100 Jalan Putra**  
**50350 Kuala Lumpur**  
**(U.P. : Bahagian Statutori dan Pendaftaran)**

**Tel: 03-40474000, samb : 4165, 4169, 4170**  
**Faks : 03-40474117**

**1. Nama Koperasi Pemohon**

**2. Nama Calon**

**3. Jenis Pelantikan**

(a) Sila tanda kotak yang berkenaan:

Pelantikan Baharu

Pelantikan Semula

(b) Jawatan Calon sekarang (untuk diisi bagi pelantikan semula sahaja):

Pengerusi

Naib Pengerusi

Bendahari

Timbalan Pengerusi

Setiausaha

Anggota Lembaga

**4. Senarai Anggota Lembaga Koperasi Sekarang<sup>1</sup>**

*(Sila nyatakan Koperasi pemohon)*

<b>Nama Anggota Lembaga Koperasi</b>	<b>Jawatan</b>	<b>Tarikh Mula Dilantik<sup>2</sup></b>	<b>Tarikh Tamat Tempoh Pelantikan Semasa<sup>3</sup></b>	<b>Bilangan, Tarikh Surat Rujukan Suruhanjaya dan Tempoh Penentusahan<sup>4</sup></b>

Bilangan anggota Lembaga koperasi seperti yang ditetapkan dalam undang-undang kecil koperasi iaitu : .....orang

**Nota :**

- 1 Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, kertas tambahan boleh dilampirkan
- 2 Merujuk kepada tarikh mula dilantik sebagai anggota Lembaga koperasi
- 3 Merujuk kepada tarikh tamat bagi pelantikan semasa sebagai anggota Lembaga koperasi
- 4 Merujuk kepada surat penentusahan Suruhanjaya. Sila nyatakan bilangan, tarikh surat rujukan Suruhanjaya terkini dan tempoh penentusahan, sekiranya ada, bagi pelantikan semula

**5. Penilaian oleh Jawatankuasa Pencalonan (atau oleh Lembaga, yang mana berkenaan)**

Arahan : **Jawatankuasa Pencalonan dikehendaki memberi justifikasi terperinci terhadap kelayakan calon sebagai anggota Lembaga koperasi** (Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, sila gunakan kertas tambahan dan sila tandatangan di setiap muka surat, termasuk kertas tambahan yang dilampirkan).

Selain itu, koperasi dikehendaki memberi maklumat lanjut yang berkaitan bagi membantu Suruhanjaya dalam membuat penilaian terhadap permohonan ini.

**6. Maklumat Anggota Lembaga Koperasi yang akan Tamat Tempoh Pelantikan dan Layak untuk Dilantik Semula <sup>1</sup>**

Tarikh Mesyuarat Agung Tahunan yang akan diadakan

Nama Anggota Lembaga Koperasi <sup>2</sup>	Jawatan	Bilangan, Tarikh Surat Rujukan Suruhanjaya dan Tempoh Penentusahan <sup>3</sup>

**Nota :**

- 1** Sekiranya ruang yang disediakan tidak mencukupi, kertas tambahan boleh dilampirkan
- 2** Merujuk kepada ALK, di mana tempoh penentusahan Suruhanjaya masih sah pada MAT berkenaan, yang akan tamat tempoh pelantikan dan layak untuk dilantik semula
- 3** Merujuk kepada surat penentusahan Suruhanjaya. Sila nyatakan bilangan, tarikh surat rujukan Suruhanjaya terkini dan tempoh penentusahan, sekiranya ada, bagi pelantikan semula

**Kepala Surat Koperasi**  
(Sila sediakan surat ini dalam 2 salinan)

Kepada:  
Pengerusi Eksekutif  
Suruhanjaya Koperasi Malaysia  
Tingkat 17, Sunway Putra Tower  
100 Jalan Putra  
50350 Kuala Lumpur  
(U.P. : Bahagian Statutori dan Pendaftaran)

**Permohonan untuk Melantik/Melantik Semula  
Anggota Lembaga Koperasi**

Kami sertakan di sini permohonan untuk melantik / melantik semula  
\_\_\_\_\_ (nama calon) \_\_\_\_\_ sebagai anggota Lembaga  
Koperasi \_\_\_\_\_ (nama koperasi) \_\_\_\_\_ Berhad bersama-sama dengan  
dokumen-dokumen berikut (tandakan kotak yang berkenaan) untuk pengesahan  
pihak tuan:

- Borang SKM/BP
- Borang SKM/TAP/KEW
- Borang SKM/ALK
- Keputusan Carian Kebankrapan (Jabatan Insolvensi Malaysia)
- Keputusan Laporan Kredit Institusi Kewangan (CCRIS)
- Keputusan Laporan Kredit Koperasi
- Salinan Kad Pengenalan
- Salinan Sijil Menghadiri Kursus Wajib
- Lain-lain (Nyatakan dan Lampirkan)

Sekian, terima kasih.

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Nama Penuh : \_\_\_\_\_

Jawatan : \_\_\_\_\_ Tarikh : \_\_\_\_\_

---

**Akuan Penerimaan oleh Suruhanjaya Koperasi Malaysia**

Kami dengan ini mengakui menerima permohonan di atas bersama-sama dengan  
dokumen-dokumen yang disertakan:

Tandatangan : \_\_\_\_\_ Nama penuh : \_\_\_\_\_

Tarikh : \_\_\_\_\_ Cop Rasmi (SKM)